

# Hidupkan semula semangat sukarela: PM

BH 16 MAY 2001

Oleh Azmi Md Deros, Shamshul Azree Shamsir dan Jalal Ali Rahim

IPOH, Selasa – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa rakyat terutama belia, menghidupkan semula semangat kesukarelaan dan mengetepikan sikap mementingkan diri serta berbuat sesuatu hanya untuk balasan.

Perdana Menteri, berkata sikap mementingkan diri yang dibawa Barat hanya menyukarkan usaha membawa perpaduan di kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

Dr Mahathir berkata, generasi muda perlu menghayati tema Hari Belia 2001, iaitu Kesukarelaan Pemangkin Perpaduan dan menolak perasaan tamak dan mengikut nafsu.

“Renungkan tema hari belia. Renungkanlah kesukarelaan pemangkin kepada perpaduan. Saya dah cuba beri gambaran kepada sikap sukarela ini, tetapi banyak lagi yang boleh dibuat untuk merapatkan hubungan dengan membuat kebaikan sepanjang masa.

“Jangan terikut cara dan budaya asing yang menyuruh kita mengutamakan diri. Ada bangsa asing kata tamak itu adalah baik... jangan kita terima saranan ini,” katanya pada perasmian Perhimpunan Hari Belia Negara 2001 di Stadium Perak di sini, malam ini.

Perhimpunan itu dihadiri kira-kira 30,000 belia dari seluruh negara.

Turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri

“Jangan terikut cara dan budaya asing yang menyuruh kita mengutamakan diri. Ada bangsa asing kata tamak itu adalah baik... jangan kita terima saranan ini”

– Dr Mahathir Mohamad

Tajol Rosli Ghazali; Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Presiden Majlis Belia Malaysia, Saifuddin Abdullah.

Terdahulu, Dr Mahathir diiringi Hishammuddin dan Tajol Rosli diarak dengan kereta khas mengelilingi stadium. Turut mengiringi beliau, beberapa tokoh belia, termasuk pelayar negara, Datuk Azhar Mansor; pendaki Gunung Everest, Mohandas dan Mahendran serta Herald dan Gerald Riggs yang berjaya menjelajah Kutub Utara.

Dr Mahathir kemudian diperkenalkan kepada ketua kontinjen dan peserta perhimpunan yang tidak melepaskan peluang bersalaman dengannya.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut membidas tindakan segelintir pihak yang mengajar rakyat supaya tidak berterima kasih dan bersyukur terhadap kebaikan orang lain serta nikmat yang diperoleh.

“Dalam masyarakat yang tidak ada orang berterima kasih, bersyukur, maka masyarakat itu tidak akan

dirapatkan... perpaduan renggang.

“Apabila kita terima yang baik, kita tidak lupa berterima kasih, bersyukur kepada Allah, terima kasih kepada orang yang tolong kita,” katanya.

Dr Mahathir juga menggesa generasi muda berbilang kaum menjalin hubungan baik sejak muda lagi dalam mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat.

Katanya, sikap itu lebih mudah dipupuk pada peringkat muda kerana pendirian dan pemikiran sukar diubah apabila dewasa kelak.

“Jika mereka sanggup bekerjasama, bermain bersama dan belajar bersama, Malaysia akan diduduki rakyat yang bersatu padu dan menjadikan bangsa Malaysia bahagia dan maju.

“Tugas ini amat berat untuk dipikul oleh belia. Tugas mencapai perpaduan amat penting dan jika belia mampu bersatu-padu semasa muda lagi, tidak timbul masalah rapatkan hubungan kaum apabila dewasa nanti,” katanya.